

**PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS JAWI
TAHAP SATU DIKALANGAN MURID TAHUN DUA**

MUHAMMAD LUTFI BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS JAWI
TAHAP SATU DIKALANGAN MURID TAHUN DUA**

Muhammad Lutfi bin Ahmad

(No. Matrik : 1122533)

**Latihan ilmiah ini yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian syarat
memperolehi**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN**

**Fakulti Pengajian Bahasa Utama
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Nilai

JULAI 2016

PENGAKUAN PENYELIDIK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil tulisan dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 5hb Julai 2016

Tandatangan :
Nama Calon : Muhammad Lutfi Ahmad
No Matrik : 1122533
Alamat : Jln Kesuma 5/12E, Bandar
Tasik Kesuma, Beranang.

PENGESAHAN

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan penyelidikan ini dan pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah”.

Tandatangan :

Nama Penyelia Latihan Ilmiah : DR KIREMBWE RASHID ABDUL HAMED

Tarikh :



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA ⁱⁱⁱ
 جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

DECLARATION OF THESIS/ UNDERGRADUATE PROJECT PAPER AND COPYRIGHT

Author's Full Name:

Student's Number:

Title:


Academic Session:

I hereby declare that the work in this thesis/ project paper as:

- CONFIDENTIAL** Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*
- RESTRICTED** Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
- OPEN ACCESS** I agree that my thesis to be published as online open access (full text).

I acknowledged that Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) reserves the right as follows:

1. The thesis/ undergraduate project paper is solely owned by Universiti Sains Islam Malaysia as stated in the Universiti Sains Islam Malaysia Intellectual Property Policy.
2. The library of Universiti Sains Islam Malaysia has the right to publish my thesis/ undergraduate project paper as online open access (fulltext) and make copies for the purpose of research or teaching and learning only.


 (Signature of Student)

650305715723

(MyKAD No./ Pasport No.)

Date:

.....
 (Signature of Supervisor)

DR. KIREMBEWE RASHID ABDUL HAMED

(Name of Supervisor)

Date:

*Notes: If the thesis is Confidential or Restricted, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya, akhirnya saya telah mampu menyiapkan penulisan ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan sekalung budi dan terima kaseh yang tidak terhingga kepada **DR KIREMBWE RASHID ABDUL HAMED** selaku penyelia yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan, motivasi dan tunjuk ajar di sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penaja saya iaitu Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada PPD Hulu Langat, Selangor, Guru Besar SK Semenyih **Pn. Sadiyah Bt Ahmad** dan murid tahap satu Tahun Dua yang terlibat sebagai responden kerana telah memberikan kerjasama ketika saya perlu menggunakan sampel di sekolah berkenaan. Semoga komitmen dan sokongan akan terus diberi kepada kajian-kajian yang akan dijalankan bagi tujuan ilmiah pada masa akan datang.

Penghargaan teristimewa juga kepada keluarga tersayang yang banyak memberikan kerjasama dan dorongan untuk menyiapkan disertasi ini. Terutama sekali buat isteriku yang tercinta : **Junaidah bt Baharuddin**, anak-anak yang dikasihi: **Muhammad Hayyan Affiq, Fatim Najihah dan Faqihah Mardina** – semoga berbahagia selalu.

Tidak dilupakan pengorbanan yang tidak ternilai buat ayahandaku **Hj. Ahmad b. Omar** dan bonda tercinta **Hjh Siti Hawa bt Mahmood**, nenekanda Pn Hjh Kasom serta adik-adikku yang tercinta. Begitu juga kepada bapa mertuaku Hj Baharuddin b.Hj Ahmad serta abang dan adik-adik iparku yang dikasihi. Terima kaseh di atas kasih sayang dan doa kalian. Kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama-sama. Harapanku semoga kajian ini diberkati Allah. Sekian.

MUHAMMAD LUTFI B. AHMAD
47, JLN KESUMA 5/12E, FASA 1L,
BANDAR TASIK KESUMA,
BERANANG, SELANGOR.

ABSTRAK

Matlamat pembelajaran di sekolah adalah pencapaian akademik yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Subjek Pendidikan Jawi merupakan subjek yang tergolong dalam Pendidikan Islam. Subjek Pendidikan Jawi memerlukan murid mengenal, menghafal, mengingat dan menyebut dengan baik. Selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang, maka aspek pendidikan Jawi turut diberi penekanan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kemahiran menulis Jawi Tahap Satu dengan pencapaian akademik dikalangan murid tahun dua. Dengan saranan Jadual Kerjcie dan Morgan seramai 30 orang sampel rawak berlapis daripada 260 orang populasi dipilih sebagai responden. Data dipungut berdasarkan 34 item yang dibina berasaskan 5 skala Likert dengan menggunakan soal selidik yang telah diubah suai daripada kajian Muhammad Sahandri Gani Haji Hamzah (1995) dan Mimijuana binti Ahmad (2014) serta Soal selidik sistem Pentaksiran Murid Musleh (SPMM) (2005), berkaitan dengan latar belakang diri dan keluarga responden. Bahagian B berkaitan dengan aspek minat murid terhadap jawi (9 item) dan Bahagian C pula aspek persepsi murid terhadap sikap sewaktu pendidikan jawi (6 item) manakala Bahagian D pula aspek motivasi dalam pendidikan jawi mengikut persepsi murid dan Bahagian E adalah aspek pencapaian akademik murid. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistik Deskriptif dan statistik Inferensi dengan menggunakan perisian SPSS Windows Ver 19. Ujian ANOVA Sehalu digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Aras kepastian 0.05 digunakan untuk tujuan ini. Oleh itu bagi tujuan kajian masa depan, pengkaji mencadangkan agar keseluruhan populasi digunakan untuk menggambarkan hasil dapatan yang lebih konsisten perlu dibuat perbandingan antara responden di kawasan bandar dan di luar Bandar, penggunaan kepelbagaian pemerolehan data dan kajian bersama melibatkan badan-badan swasta untuk memartabatkan tulisan Jawi dikalangan murid.

ABSTRACT

The goal of teaching in schools is academic excellence, glory and distinction. Jawi learning is a subject which belongs in Education of Islam. Jawi education require students to recognize, memorize, remember and mentioned well. In line with the National Education Philosophy to produce balanced human, thus the education aspect also emphasized Jawi. This study is to see the extent of Jawi writing skills achievement among students of primary two from level one. With the recommendations of Schedule Kerjcie and Morgan, 30 random samples from a total of 260 people were selected as respondent. Data collected on 34 items built on 5 Likert scale by using questionnaire was modified from the study conducted by Sahandri Gani Mohammed Haji Hamzah(1995), Mimijuana binti Ahmad (2014) and Questionnaire Assessment system Students Musleh (CAR) (2005), which is related with personal and family background of respondent. Part B deal with aspects of pupils' interest in Jawi (9 items), while Part C survey in aspects of students' perceptions towards education of Jawi (6 items). Next, Part D study the aspect of motivation in Jawi education according to the students' perception and Part E is aspects of academic achievement of students. The data obtained was analyzed using the Statistical Descriptive and Statistical Inference using SPSS Windows Version 19. One way test ANOVA and was used to test the hypotheses of this study. 0:05 certainty was used for this purpose. Therefore, for the future studies, researcher suggests that the overall population will be used to obtain a more consistent finding. Comparison between respondents in urban areas and rural areas, usage of diversity data acquisition and joint research with private bodies to uphold Jawi writing among students should be done.

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Konseptual	10
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Limitasi Kajian	16
1.10 Rumusan	17
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Perkembangan Tulisan Jawi Di Tanah Melayu Sebelum Merdeka	19
2.3 Perkembangan Tulisan Jawi Di Tanah Melayu Pasca Merdeka	23
2.4 Peminggiran Tulisan Jawi	24
2.5 Pelaksanaan Kembali Tulisan Jawi Di Sekolah	24
2.6 Pemarkasaan Jawi	25
2.7 Kajian Lepas Dalam Negara	28
2.8 Rumusan	30
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Lokasi Kajian	32

3.4	Populasi Kajian	32
3.5	Sampel Kajian	32
3.6	Instrumen Kajian	34
3.6.1	Bahagian A: Aspek Demografi Responden	35
3.6.2	Bahagian B: Aspek Minat Responden Terhadap Jawi Mengikut Persepsi Responden	35
3.6.3	Bahagian C: Aspek Persepsi Responden Terhadap Sikap Sewaktu Pendidikan Jawi	35
3.6.4	Bahagian D: Aspek Motivasi Dalam Pendidikan Jawi Mengikut Persepsi Responden	35
3.6.5	Aspek Pencapaian Akademik Responden	35
3.6.6	Kajian Rintis	37
3.6.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
3.6.8	Kaedah Permarkatan Skor Kajian	38
3.7	Prosedur Kajian	39
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	40
3.9	Penganalisan Data	40
3.9.1	Kekerapan dan Peratusan	41
3.9.2	Analisis Varian (ANOVA Sehalu)	41
3.10	Rumusan	41
BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Dapatan Kajian	43
4.2.1	Analisa Latar Belakang Responden	43
4.2.2	Analisa Tahap Umur dan Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa Responden	45
4.2.3	Analisa Aspek Minat Murid Terhadap Jawi Mengikut Persepsi Responden	47
4.2.4	Analisa Tahap Persepsi Murid Terhadap Sikap Sewaktu Pendidikan Jawi	49
4.2.5	Analisa Tahap Motivasi Dalam Pendidikan Jawi Mengikut Persepsi Responden	51
4.2.6	Analisa Pencapaian Akademik Responden	52
4.3	Pengujian Hipotesis	56
4.3.1	H_0^1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pos kemahiran Jawi dalam kalangan murid dengan pencapaian akademik.	56
4.4	Rumusan Dapatan Kajian	56
BAB 5:	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	57
5.2	Rumusan	57
5.3	Perbincangan	58

5.3.1	Hubungan Ujian Pos dengan Pencapaian Akademik	59
5.3.2	Hubungan Minat Murid dengan Pencapaian Akademik	60
5.4	Cadangan	62
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	63
5.6	Kesimpulan	64
BIBLIOGRAFI		65

LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Surat Pengesahan Pelajar USIM
LAMPIRAN B	Surat Permohonan Mengutip Data dan Membuat Rujukan Bagi Kursus EBP 4293 Latihan Ilmiah (Penulisan Tesis)
LAMPIRAN C	Jadual Pemilihan Sampel
LAMPIRAN D	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN E	Surat Permohonan Menjalankan Kaji Selidik Di Sekolah
LAMPIRAN F	Soalan Ujian Pos Jawi
LAMPIRAN G	Soalan Peperiksaan Jawi Semester 1 2016

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK JADUAL	HALAMAN
3.1	Pembahagian Item Mengikut Aspek Minat Murid Terhadap Jawi Mengikut Persepsi Responden.	35
3.2	Pembahagian Item Mengikut Aspek Motivasi Dalam Pendidikan Jawi Mengikut Persepsi Responden.	36
3.3	Jadual Spesifikasi Item dan Tujuan Ia Dikemukakan.	37
3.4	Skor dan Pemarkahan 5 Skala Likert.	38
3.5	Prosedur Kajian.	39
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina.	43
4.2	Taburan Responden Mengikut Persekolahan.	44
4.3	Taburan Kedudukan Dalam Keluarga.	44
4.4	Taburan Umur Ibumbapa.	45
4.5	Taburan Tahap Pendidikan Ibumbapa.	46
4.6	Taburan Pendapatan Ibumbapa	47
4.7	Taburan Jenis Pekerjaan Ibumbapa.	47
4.8	Analisa Aspek Minat Murid terhadap Jawi Mengikut Persepsi Responden.	48
4.9	Analisa Persepsi Murid Terhadap Sikap Sewaktu Pendidikan Jawi.	50
4.10	Analisa Tahap Motivasi Dalam Pendidikan Jawi Mengikut Persepsi Responden.	51
4.11	Analisa Perbandingan Pencapaian Ujian Pos Jawi dan Peperiksaan Jawi Semester 1 2016 Dikalangan Responden.	53
4.12	Analisa Perbandingan Pencapaian Peperiksaan Jawi dan Peperiksaan Semester 1 2016 Dikalangan Responden.	55
4.13	Perbezaan Antara Ujian Pos Jawi Bulan Januari 2016 dan Peperiksaan Jawi Semester 1 2016.	56

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK RAJAH	HALAMAN
1.1	Model of Factors In College Impact oleh Astin(1976) : 10	11
1.2	Model Interaksi Bilik Darjah oleh Sabura Mohammad Daud Marican (1999)	12
1.3	Pola kitaran respons dan maklum balas (Hoey, 1991: 77)	13
3.1	Bilangan Responden daripada dua kelas.	33
4.1	Tahap Pendidikan Iubapa.	46
4.2	Analisa Perbandingan Pencapaian Ujian Pos Jawi dan Peperiksaan Pendidikan Jawi Semester 1 2016	54

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Detik bersejarah 28 Februari 1991, merupakan tarikh keramat teretusnya suatu wawasan yang menentukan hala tuju negara ini bagi tiga dekad akan datang. Harun Hassan (2001) mengatakan bahawa hala tuju tersebut amat penting kerana akan menentukan masa depan negara untuk bersaing dalam mengharung aliran mega menghadapi gelombang globalisasi. Matlamat negara yang merujuk kepada hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 banyak bergantung kepada pelaksanaan program-program pendidikan yang menjurus kepada perubahan minda dan sikap masyarakat di peringkat akar umbi.

Oleh itu dilihat pendidikan adalah merupakan suatu alat sebagai wahana yang dominan untuk mencapai hasrat menjadi sebuah negara maju. Ainon Mohd. (2003), mengatakan masyarakat perlu pengetahuan untuk memberi mahupun menerima kemahiran dan teknologi. Ini amat diperlukan untuk meningkatkan daya kreatif bagi mencapai kemajuan dan memperbaiki kehidupan.

Alauddin Sidal (2002) mengatakan amat penting pendidikan sebagai tangga untuk memahami akan bentuk hubungan yang terjalin di dalam sesebuah organisasi. Ini adalah kerana setiap organisasi, baik yang memberikan perkhidmatan (*service organization*) mahupun menghasilkan barangan (*goods producing organization*), masing-masing mempunyai falsafah kewujudannya sendiri.

Justeru itu, dalam hal ini, Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing dan Saedah Hj. Siraj (1993) mengatakan bahawa pendidikan yang membekalkan kemahiran adalah satu keperluan dalam proses pembangunan dan kemajuan masyarakat serta negara kerana ia adalah satu instrumen yang menggerakkan perubahan dan permodenan bagi tujuan memenuhi permintaan negara terhadap tenaga kerja terlatih serta mempertingkatkan dan meransang penyelidikan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju.

Sejarah telah membuktikan bahawa penaklukan ilmu seiring dengan penguasaan kemahiran telah berjaya melahirkan nama-nama unggul yang telah menjadi penyumbang kepada beberapa penciptaan berasaskan teknologi di dalam pelbagai bidang. Dalam konteks inilah, maka sering dibangkitkan di dalam seminar mahupun muktamar di semua peringkat sama ada yang dianjurkan oleh kerajaan, swasta, badan-badan NGO mahupun badan lain yang ingin melihat pendidikan di negara ini berjalan dengan pesat dan lebih berperanan lagi. Sejajar dengan itu, di negara kita, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Bahagian Agama dan Moral dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) memikul amanah yang berat untuk merealisasikan hasrat dan cita-cita kerajaan bagi menjelmakannya dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) melalui kurikulum dan kokurikulum yang dibina (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1993)

Kemahiran membaca dan menulis Jawi suatu masa dahulu adalah satu kebanggaan. Kebanyakan golongan cerdik pandai pada masa itu menggunakan ejaan Jawi sepenuhnya dalam persuratan dan penulisan karya mereka (Abd Jalil Borham 2012). Tulisan Jawi digunakan secara meluas bagi bahasa Melayu pada masa itu dan berfungsi sebagaimana ejaan Rumi pada hari ini. Seinggakan orang Inggeris pun menggunakan tulisan Jawi untuk mengutus surat kepada raja-raja dan pembesar Melayu. Bahasa Melayu bertindak sebagai lingua franca, iaitu sebagai bahasa perantaraan dalam kalangan pedagang dan penggunaannya sangat meluas sebagaimana bahasa Inggeris hari ini (Nik Safiah Karim et al. 2004).

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan melihat lebih lanjut khazanah literatur dan beberapa hasil kajian yang berkaitan dengan pendidikan kemahiran dalam masyarakat dan perkembangan kurikulum kemahiran jawi di peringkat sekolah rendah di Malaysia sebagai satu kurikulum.

2.2 PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DI TANAH MELAYU SEBELUM MERDEKA

Sistem tulisan dalam masyarakat Melayu telah lama wujud, iaitu bermula dari wujudnya konteks hubungan masyarakat Melayu dengan masyarakat antarabangsa. Sebahagian rumpun Melayu di Nusantara mempunyai sistem tulisan mereka sendiri, antaranya seperti huruf rencong yang digunakan oleh masyarakat Melayu Aceh. Selain dari itu, masyarakat Melayu Bugis di Sulawesi, masyarakat Melayu Jawa dengan sistem tulisan kiwi dan winggi dan masyarakat-masyarakat lain lagi yang mempunyai sistem tulisan mereka sendiri (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2005). Penemuan batu bersurat zaman Sriwijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M.), Kota Kapur (686 M.) dan Talang Tuwo (684 M.) yang ditulis pada abad ketujuh Masihi dalam bahasa Melayu Kuno jelas menunjukkan kepada kita bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu sudah mempunyai sistem tulisan yang tersendiri (Muhd. Bukhari Lubis, 2006:1).

Namun sekitar abad ketiga belas Masihi, Islam mula bertapak dan tersebar luas di Alam Melayu. Kedatangan Islam ke alam ini telah membawa kepada satu perubahan besar

yang besar dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu. Ianya bukan sahaja mengubah sistem kepercayaan masyarakat Melayu pada ketika itu yang berpegang dengan ajaran Buddha, tetapi turut membawa kepada wujudnya sistem penulisan yang baru dalam dunia Melayu. Masyarakat Melayu tidak lagi menggunakan skrip Pavalla Selatan dari India yang telah mereka gunakan sejak berabad lamanya. Skrip baru yang berasaskan kepada skrip Arab telah dicipta dan dinamakan sebagai tulisan Jawi. Pada mulanya aksara Jawi diambil sepenuhnya dari aksara Arab. Namun untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat pada ketika itu, terutamanya untuk mempelajari agama Islam, beberapa abjad dalam bahasa Parsi telah diubahsuai dan diterapkan. Menjadikan bilangan huruf Jawi sebanyak 33 kesemuanya, 28 daripadanya adalah huruf Arab dan 5 lagi dari bahasa Parsi. Antara huruf yang baru yang ditambah ialah ك, غ, ف, چ, dan ن (Muhd. Bukhari Lubis, 2006:23). Peranan yang dimainkan oleh tulisan Jawi amat besar. Tulisan Jawi bukan hanya digunakan sebagai alat persuratan, bahkan turut berfungsi sebagai alat kepada penyebaran ilmu agama.

Di negara kita (dulunya Tanah Melayu), tulisan Jawi telah wujud sejak awal abad ke 13 lagi. Perkara ini dapat dibuktikan dengan penemuan tulisan Jawi pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh Jumaat 4 Rejab 702 H (bersamaan 22 Februari 1303M). Namun dakwaan tersebut dikatakan kurang tepat dan tidak dipersetujui oleh sesetengah ahli sejarah. Ini kerana terdapat catatan dalam tulisan Jawi pada batu nesan yang ditemui di Permatang Pasir, Pekan mempunyai tarikh yang jauh lebih awal, iaitu hari rabu 14 Rabi' 419H (bersamaan April/Mei 1028). Zaman kesultanan Melayu Melaka yang terkenal dengan kuasa perdagannya suatu ketika dahulu, merupakan zaman yang penting dalam pertumbuhan tulisan Jawi di Tanah Melayu. Tulisan Jawi digunakan untuk tujuan permeteraian perjanjian (undang-undang) serta dalam bidang pendidikan. Dalam pada itu banyak kitab-kitab agama yang berbentuk sejarah, hikayat, falsafah dan lain-lain lagi ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Kelahiran ulama dari Tanah Melayu juga telah menarik minat masyarakat dari

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Metodologi merupakan perkara yang amat dipentingkan dalam sebuah kajian. Metodologi yang digunakan dapat menentukan ketepatan maklumat mahupun data yang diperolehi. Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan tentang reka bentuk kajian, populasi dan persampelan kajian, instrument kajian, prosedur pengumpulan data, dan juga kaedah menganalisis data yang akan digunakan dalam kajian ini dan prosedur kajian.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif, perbandingan dan korelasi sebagai kajian bagi melihat hubungan atau pengaruh antara satu factor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistic korelasi dan ANOVA Sehalah. Jones dan Clarke (1994), berpendapat bahawa kaedah soalselidik amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan. Disebabkan kajian ini cuba melihat hubungan antara dua pembolehubah (amalidanamalan), maka rekabentuk kajian kolerasi amat sesuai digunakan (Mohd Majid Konting, 2000).

Kajian ini akan membuat tinjauan (*survey*) terhadap persepsi kemahiran menulis jawi di kalangan murid-murid tahun 2, dalam sekolah SK Semenyih, Semenyih. Tinjauan di sini bermaksud tinjauan keatas sampel di SK Semenyih yang mempunyai lapan buah kelas tahun 2 yang dipilih secara rawak sebagai lokasi kajian. Kaedah tinjaua ini adalah kaedah kajian yang melibatkan pengambilan data pada sesuatu masa tertentu sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan pengumpulan maklumat daripada sampel

yang dilakukan dengan menggunakan borong soal selidik. Kaedah soalselidik paling sesuai untuk mendapatkan data dalam populasi yang besar dan penyelidik dapat melihat hubungan di antara pembolehubah yang berbeza. Purata masa yang diperlukan untuk mengisi set soalselidik ialah lebih kurang 30 minit bagi setiap responden.

3.3 LOKASI KAJIAN

Menurut Sidek Mohd. Noah (2002), menyatakan bahawa lokasi kajian adalah merujuk kepada tempat kajian akan dijalankan. Bagi tujuan kajian, pengkaji memilih lokasi kajian berdasarkan fakta bahawa SK Semenyih, Semenyih berkenaan dapat memenuhi keperluan dan kehendak kajian. Berdasarkan maklumat pada 30 Mac 2016, yang diperoleh daripada Guru Besar SK Semenyih, Semenyih, bilangan sekolah yang terletak di dalam kawasan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor. Daripada 8 buah kelas tahun dua tersebut, hanya seramai 30 orang murid dari dua kelas yang lemah telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian.

3.4 POPULASI KAJIAN

Mohd.Majid Konting (2000), mengingatkan bahawa pengenal pastian populasi yang tepat dan teliti akan menentukan parameter populasi yang dikaji. Populasi menentukan sejauh, atau sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul untuk dianalisa. Populasi juga menentukan masa, tenaga dan kewangan yang akan digunakan untuk melaksanakan penyelidikan. Bagi tujuan kajian ini seramai 30 orang murid tahun 2 daripada 8 buah kelas telah dipilih sebagai populasi kajian.

3.5 SAMPEL KAJIAN

Menurut Sulaiman Masri (2002), persampelan merupakan satu usaha bagi seseorang pengkaji untuk memperolehi maklumat daripada sampel kajian yang dapat mewakili populasi tersebut.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada dapatan-dapatan kajian berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan dalam soal selidik; iaitu Bahagian A melibatkan latar belakang responden, Bahagian B tentang aspek minat responden terhadap Jawi, Bahagian C berkaitan aspek persepsi responden terhadap sikap ketika pendidikan Jawi, Bahagian D pula aspek motivasi dalam pendidikan Jawi daripada persepsi murid dan Bahagian E menyentuh pencapaian akademik murid. Maklumat yang terkandung dalam bahagian ini lebih bersifat statistik bagi menyokong atau membuktikan pencapaian objektif kajian yang ditetapkan.

4.2 DAPATAN KAJIAN

4.2.1 Analisa latar belakang responden

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	F	%
Lelaki	17	57
Perempuan	13	43
Jumlah	30	100

Responden kajian adalah terdiri daripada murid-murid tahun 2 dari dua kelas terakhir daripada lapan kelas diambil secara rawak. Seramai 30 orang daripada 255 orang murid-murid bagi sesi persekolahan 2016 telah dipilih. Dapatan kajian menunjukkan dari segi jantina seramai 17 orang (57%) responden adalah lelaki dan 13 orang responden (43%) adalah terdiri murid perempuan. Secara keseluruhannya jumlah responden dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang sebagaimana yang tertera dalam jadual 4.1.

Daripada soal selidik yang telah dijalankan, didapati sebahagian kecil responden yang hanya menghadiri satu sesi persekolahan iaitu bersekolah kebangsaan sahaja seramai 7 orang (23%) responden dan seramai 23 orang (77%) responden yang bersekolah agama. Ini adalah kerana faktor sosioekonomi yang menghalang responden untuk bersekolah agama.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikuti Persekolahan

Jenis Persekolahan	F	%
Bersekolah Agama	23	77
Tidak bersekolah Agama	7	23
Jumlah	30	100

Bagi kedudukan dalam keluarga menunjukkan peratusan tertinggi adalah anak sulung iaitu 40% atau seramai 12 orang dan tempat kedua adalah anak ke 2 atau 3 atau 4 atau 5 dengan peratusan iaitu 36.7% atau seramai 11 orang. Hal ini kerana jika ditinjau kembali taburan kedudukan dalam keluarga majoritinya adalah anak sulung dan anak ke 2 atau 3 atau 4 atau 5. Seterusnya anak bongsu seramai 4 orang (13.3%) dan yang ada kakak sahaja 2 orang (6.7%) serta yang ada abang dan kakak sahaja 1 orang (3.3%). Sebagaimana yang tertera dalam jadual 4.3.

Jadual 4.3: Taburan Kedudukan dalam Keluarga

Kedudukan Anak	F	%
Anak sulung	12	40
Anak bongsu	4	13.3
Anak ke 2@3@4@5	11	36.7
Ada kakak sahaja	2	6.7
Ada abang dan kakak	1	3.3
Jumlah	30	100

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Pembangunan sesebuah masyarakat menurut Islam adalah bermula dengan pembangunan insan itu sendiri. Keseluruhan potensi yang ada pada seseorang manusia iaitu jasmani, rohani, emosi dan juga mental perlu disemai dengan betul. Oleh itu, proses pendidikan adalah dianggap sebagai agenda yang paling penting dalam melahirkan masyarakat yang berkualiti melalui pembinaan insan yang berketerampilan.

Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan dan perbincangan berhubung dengan dapatan kajian dan dikaitkan juga dengan kajian-kajian terdahulu sama ada ia sealiran atau bercanggah. Akhirnya dikemukakan juga implikasi dan cadangan bagi kajian lanjutan berhubung dengan tajuk yang dikaji.

5.2 RUMUSAN

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah Rendah Kebangsaan dalam Daerah Hulu Langat. Seramai 30 orang responden yang terdiri dari murid-murid tahun 2 terlibat dengan kajian ini. Responden terdiri daripada mereka yang lemah dalam pendidikan Jawi dalam kelas terakhir daripada lapan kelas. Mereka dipilih secara rawak mudah berlapis.

Data kajian diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada murid-murid yang menjadi subjek kajian dan mengandungi tiga puluh empat item (34 item). Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS. Kaedah-kaedah statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah statistik deskriptif dan inferensi. Untuk menguji hipotesis kajian, alat-alat

ujian digunakan ialah korelasi pearson dan ANOVA Sehal. Secara Khusus objektif ini adalah untuk:

- i) Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara ujian pos kemahiran Jawi dalam kalangan murid dengan pencapaian akademik.
- ii) Mengenal pasti hubungan yang signifikan dalam minat murid terhadap kemahiran Jawi dengan pencapaian akademik.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan set soal selidik yang digunakan oleh kajian Muhammad Sahandri Gani Haji Hamzah (1995) dan Soal Selidik Sistem Pentaksiran Murid Musleh (SPMM) (2005), berkaitan dengan latar belakang diri dan keluarga responden. Bahagian B dan C dalam soal selidik ini berkaitan dengan aspek minat dan sikap (15 item) dalam pengamalan jawi dikuasai oleh murid. Bahagian D dan E pula merupakan soalan-soalan yang diubahsuai daripada soal selidik yang telah digunakan oleh Muhammad Sahandri Gani Haji Hamzah (1995) dalam kajiannya.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pos kemahiran Jawi dengan pencapaian akademik dalam kalangan responden. Sebaliknya kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Ujian Pos Jawi dengan peperiksaan Jawi Semester 1 2016 dikalangan responden. Disamping itu, hasil kajian juga telah mendapati hubungan yang signifikan antara aspek minat murid terhadap kemahiran jawi dengan pencapaian akademik.

5.3 PERBINCANGAN

Semua data-data yang diperolehi daripada kajian ini telah dinalisa dalam Bab 4. Perbincangan dalam bab ini lebih menumpukan kepada tafsiran dan juga menentukan keputusan yang terhasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Bagi

sedia ada. Oleh itu bagi tujuan kajian masa depan, dicadangkan agar penyelidik mengambil keseluruhan populasi atau nisbah jumlah sampel yang lebih tinggi untuk menggambarkan hasil yang lebih konsisten dan tepat.

5.5.2 Kajian-kajian akan datang juga dicadangkan supaya meliputi lokasi kajian yang lebih luas iaitu di luar bandar dan bandar. Kajian boleh dilaksanakan termasuk di sekolah-sekolah renadah maupun sekolah-sekolah menengah di negeri ini. Dari segi kaedah pengutipan data, kaedah boleh dikembangkan kepada temubual, pemerhatian di samping kaedah mendapatkan data melalui soal selidik. Responden yang terlibat pada masa akan datang juga boleh diluaskan kepada guru-guru Pendidikan Jawi, Ketua Panitia Pendidikan Islam, penolong-penolong kanan ataupun para guru besar.

5.5.3 Pengkaji juga mencadangkan agar Jabatan Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran Malaysia terutama Bahagian Pendidikan Agama dan Moral membuat kajian bersama dengan badan-badan swasta menjadi penaja atau penaung dengan lebih kerap kepada program-program kearah memartabakan tulisan Jawi sebagai khazanah negara.

5.6 KESIMPULAN

Dengan berlaku berlakunya peningkatan pencapaian akademik di kalangan murid dari tahun ke setahun, maka adalah merupakan tanggungjawab semua pihak sama ada sekolah, ibu bapa, keluarga, masyarakat dan *stake holders* yang berkepentingan untuk memastikan pencapaian akademik di kalangan murid bukan sekadar meningkat, tetapi yang lebih utama adalah dari aspek kualiti. Di sekolah, peranan mendidik murid-murid hari ini dengan pakej ilmu pengetahuan adalah bertujuan untuk menyuntik generasi masa depan sebagai seorang insane yang mampu menghadapi cabaran masa depan tercapai seperti yang dihasratkan dalam wawasan negara.

BIBLIOGRAFI

Artikel

Pusat Perkembangan Kurikulum. 1993. Kementerian Pendidikan Malaysia. "*Bahan Kursus Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah untuk kakitangan sumber*". Kuala Lumpur: tidak diterbitkan.

Buku

Ahmad Farid Abdul Jalal, Yaakob Isa. 2005. "*Tulisan Jawi : Sejarah Seni dan Warisan*". Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Ahmad Mahdzan Ayob. 1991. "*Kaedah Penyelidikan Sosio ekonomi. Suatu Pengenalan*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ainon Mohd. 2003. "*Teori dan Teknik Kepimpinan. Panduan Aplikasi di tempat kerja*". Bentong Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. 2002. "*Guru sebagai Pendorong dalam Darjah*". Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Alaudin Sidal. 2002. "*Dorongan dalam organisasi*". Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Amat Juhari Moain. 1996. "*Perancangan bahasa: Sejarah aksara jawi*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. 2010. "*Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia*". Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010. pp 325.

Astin, W. A. 1976. "*Academic Gamesmanship: Student*". – Oriented Change in Higher Education. New York: Preager Publisher.

Bhasah Abu Bakar. 2007. "*Kaedah Analisa Data Penyelidikan Ilmiah*". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.

Chaudron, C. 1998. "*Second Language Classroom; Research on Teaching and Learning*". Cambridge: Cambridge University Press.

Noorhayati Hashim. 2014. "*Prinsip Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing*". Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

Dr. Wan Ali Wan Mamat. 2006. "*Sejarah dan Pertumbuhan Skrip Jawi*". Dlm. Muhammad Bukhari Lubis, Fatimah Salleh, Husniyati Ali, Huzaimah Ismail & Siti Fatimah Sudin (pnyt). *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian Shah Alam*: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Gay, L. R. & Peter Airasian. 2003. "*Education Research. Competencies for Analysis and Applications. Seventh Edition*". New Jersey: Pearson Education Inc.

Heoy, M. 1991. "*Some Properties of Spoken Discourse*". Dlm. Bowers, R. & Brumfit, C. *Applied Linguistics and English Language Teaching*. London: Macmillan Publishers Ltd.

- Ibrahim Mamat. 1997. *“Memimpin Remaja Sekolah. Teori dan Praktik”*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Ismail Hamid. 1985. *“Peradaban Melayu dan Islam”*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lee Shok Mee. 1993. *“Asas Pendidikan 2. Psikologi dalam Bilik Darjah”*. Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting. 2000. *“Kaedah Penyelidikan Pendidikan”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang.1994. *“Asas Pendidikan 3. Kurikulum dan Praktikum”*. Kuala Lumpur.: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Mok Soon Sang. 2001. *“Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester I”*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn.Bhd. pp. 29-31
- n.a. *“Usims Handbook on Academic Writing”*. 2010 (cetakan ke 4). Nilai Negeri Sembilan. Usims publisher.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, et al. 2004. *“Tatabahasa Dewan edisi baharu”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee pau Wing, dan Saedah Hj. Siraj. 1993. *“Pendidikan di Malaysia”*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distribtors Sdn.Bhd.
- Sidang Pengarang Femina. 2003. *“Rujukan Peperiksaan. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Kompetensi Umum (Teras & Profesional)”*. Petaling Jaya: Penerbit Femina.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *“Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis”*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman Masri. 2002. *“Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei,Proposal, Tesis)”*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Jurnal

- Adnan Kamis.1978. *“Pertalian Antara Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran dan Kaitannya dengan Pencapaian Akademik”*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan 1978/1979. 11: pp 1-9.
- Alias Baba, Halimah Harun dan Mohd. Sahandri Gani Hj . Hamzah. 1995. *“Implikasi Konsep Kendiri Akedemik Terhadap Pencapaian Akademik dan Penguasaan Kemahiran kerja amali Kemahiran Hidup Bersepadu Mengikut Jantina dan Lokasi”*. Jurnal Pendidikan. 20: pp 53-65.
- Habibah Elias, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Rahil Hj. Mahyuddin. 1996. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. 14 (1995): pp 1 -9.
- Hashim Hj. Musa. 2005. *“Peranan Tulisan Jawi dalam Perkembangan Islam di Malaysia”*. Jurnal Pengajian Melayu Jilid 16 2005. pp 98 – 100.
- Jones, T. & Clarke V.A. 1994. *“A computer Attitude Scale for Secondary Student.Computer Education”*. 22: pp 315 – 317.

Ghazali Basir. 1987. *“Peranan Pendidik dalam Pembentukan Ummah”*. Jurnal Pendidikan Islam. 2(6): pp 19-28.

Harun Hassan. 2001. *“Wawasan 2020 dan peranan pendidikan: Suatu Penghayatan”*. Digest Pendidik Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia. 1 (01): pp 15 – 22.

Mohd. Yazid Deraman. 1999. *“Perhubungan Gaya Kepimpinan dengan Iklim Organisasi: Satu kajian kes”*. Jurnal Akademik Maktab Perguruan Kota Bharu. 7 (Disember): pp 58 -73.

Sabura Mohamad Daud Marican. 1999. *“Kepentingan Maklum Balas dslam Pengajaran Pembelajaran”*. Jurnal Akademik Maktab Perguruan Kota Bhari. 7(Disember): pp 30-41.

Sharifah Md. Nor. 1992. *“Faktor-faktor Latar Belakang Yang Berkaitan dengan Pencapaian Akademik Murid Darjah Satu”*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. 11 (1991/1992): pp 61 – 69.

Woodrow, J. 1991. *“A Comparison of Four Computer Attitude Scales. Journal of Educational Computing Research”*. 7 : pp 165 – 197

Zarinah Arshat & Rozumah Baharuddin. 1999. *“Perkaitan di Antara Faktor Sosioekonomi dan Pencapaian Akademik Anak”*. Jurnal Kebajikan. 21 (2): pp 54 -73.

Kertas Kerja

Abd Jalil Borham. 2012. *“Tulisan jawi: Tulisan Serantau”*. Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012, 18 Oktober 2012, at Universiti Malaysia Pahang. pp 1-2

Asmawati Baharuddin. 2000. *“Remaja Masa Kini. Persediaan & Cabaran”*. Kertas Kerja Seminar Pembangunan Remaja. Pusat Kaunseling MAINS. p1 – 4. 22 Oktober.

Junaidah Abdul Jamil. 1998. *“Pengajaran dan Pembelajaran Yang Berkesan: Beberapa teori yang Relevan”*. Diterbitkan dalam Buletin Berita Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan Bil. 1, Jilid 22 Januari – Mac 1998 . pp. 1-8

Prof.Dr. Abd Jalil bin Borhan. 2012. *“Tulisan Jawi: Tulisan Serantau”*.(Kertas kerja) Ucaptama Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012. Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang. 18 Oktober. p 4-5.

Web

Che Wan Shamsul Bahri CW Ahmad. 2014. Tulisan Jawi dan Cabarannya Dalam Mendepani Zaman. (atas talian) HYPERLINK <<http://noorsyams.blogspot.my/2014/03/tulisan-jawi-dan-cabarannya-dalam.html>>. Dicetak pada 20 Mac 2016

Dato Mohd.Mokhtar Shafii. . Pelaksanaan Tulisan Jawi Dalam Sistem Pendidikan Malaysia. (atas talian) [http://i-epistemology.net/v1/attachments/1127_jp-v9n2-Perlaksanaan Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan Malaysia - M Mokhtar Shafii.pdf](http://i-epistemology.net/v1/attachments/1127_jp-v9n2-PerlaksanaanTulisanJawi%20dalam%20Sistem%20Pendidikan%20Malaysia%20-%20M%20Mokhtar%20Shafii.pdf).

HYPERLINK <http://i-epistemology.net/v1/attachments/1127_jp-v9n2-%20Perlaksanaan%20Tulisan%20Jawi%20dalam%20Sistem%20Pendidikan%20Malaysia%20-%20M%20Mokhtar%20Shafii.pdf>. Dicetak pada 18April 2016.

Khairul Azhar Idris. 2002. "*Kepentingan Kemahiran Teknikal untuk Kemajuan Ummah*". (atas talian) HYPERLINK "<http://www.ikim.gov.my/a02-20.html>" <http://www.ikim.gov.my/a02-20.html>. Dicetak pada 22 April 2016.

Mimijuana binti Ahmad. Penguasaan kemahiran membaca dan Menulis Jawi di Kalangan Tahun 2 : Kajian kes di Sekolah Kebangsaan Semporna. HYPERLINK

< <http://www.slideshare.net/biiey/penguasaan-kemahiran-membaca-dan-menulis-jawi-d-kalangan-murid-tahun-2>> Dicetak pada 20 Mac 2016.

TESIS/DISERTASI/LATIHAN ILMIAH

Che Mah Yusof & Dr. Mariani Md. Nor. 2000. "*Personaliti Pelajar Pintar Cerdas dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik*". Fakulti Pendidikan. Univirsiti Malaya.

Muhammad Sahandri Gani Haji Hamzah. 1995. "*Kajian Pertalian antara Pencapaian Akademik dengan Pengurusan Kemahiran kerja Praktik dan Konsep Kendiri Akademik di kalangan Pelajar Kemahiran Hidup Bersepadu*". Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamshudin Abd. Latif. 1991. "*Kursus Pendidikan Islam di Politiknik Ungku Omar: Suatu Tinjauan Kurikulum Ke Arah Pencapaian Matlamat*". Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.